

Mencipta peluang daripada kesukaran orang lain tanpa perlu menindas menjadi pegangan pemilik bersama syarikat Firdaus Transportation Services.

Pelajar tahun akhir Bachelor Pendidikan Sains Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Illiyas Abd Aziz dan rakan kongsinya, Mohd Firdaus Khalid bermula dengan perkhidmatan menyewakan motosikal.

Perniagaan mereka kemudian berkembang kepada perkhidmatan penghantaran, katering, sewa kanopi dan perniagaan utama, sewa kereta.

Mengimbau pengalamananya ketika berjinak-jinak dengan perniagaan tiga tahun lalu, Illiyas berkata minatnya terhadap bidang itu bercambah selepas mengikuti kursus asas keusahawanan siswa anjuran Unit Keusahawanan UPM yang kini dikenali sebagai Pusat Inovasi Keusahawanan Dan Pembangunan Pelajar (CEISeD).

Modal daripada kawan

Katanya, selepas menyewakan motosikal masing-masing, Mohd Firdaus mengambil keputusan menyewakan kereta Perodua Kancil milik keluarganya dan dari situah mereka memulakan perniagaan sewa kereta.

"Ketika itu, kami tiada modal, sehingga terpaksa meminjam daripada lima kawan dengan setiap seorang RM100.

"Dengan RM500, kami memulakan perniagaan penghantaran barang, makanan, dobi dan apa saja yang memerlukan penghantaran di dalam kampus.

"Selepas balik modal, kami pulangkan duit kawan dan menjadi orang tengah sekiranya ada pelanggan memerlukan perkhidmatan katering dan sewa kanopi.

"Kemudian, barulah kami



Illiyas melayan pelanggannya di pejabat urusan syarikatnya, Kompleks Mahasiswa UPM, baru-baru ini.

serius dalam perniagaan sewa kereta dan kini mempunyai lebih 10 kereta," katanya ketika ditemui di CEISeD, baru-baru ini.

Illiyas berkata, pusat itu banyak memberi peluang kepada pelajar seperti untuk mengenal potensi diri dalam bidang perniagaan selain menyediakan kursus pemasaran, penjenamaan semula, perancangan perniagaan serta selok-belok perniagaan sebenar.

Tapak di dalam kampus

Katanya, CEISeD juga memberi tapak berniaga di Kompleks Mahasiswa yang dijadikan pejabat urusan syarikatnya berjumpa pelanggan terdiri daripada pelajar tempatan, antarabangsa, pensyarah dan penduduk sekitar Serdang.

Perkongsian Illiyas dan rakan berbaloi

"Banyak pesaing di luar UPM. Jadi, harga yang tawarkan kami lebih murah.

"Contohnya, jika di luar menyewakan Perodua Viva RM80 ke RM90, kami sewakan RM75, bergantung manual atau automatik.

"Alhamdulillah, dalam sebulan kami mampu meraih sekira RM500 ke RM2,000 lebih," katanya.

Illiyas berkata, perniagaan

mereka berdasarkan perkhidmatan menjadikan kelancaran operasi penting dalam memastikan kepuasan pelanggan.

Upah rakan

Katanya, mereka sanggup mengupah rakan untuk menghantar kereta jika mereka perlu menghadiri kuliah semata-mata untuk memenuhi kehendak pelanggan.

Bagi tujuan promosi, Illiyas berkata, beliau serta Mohd Firdaus akan menyebarkan risalah perkhidmatan di sekitar UPM dan Serdang selain di laman Facebook, Firdaus Transportation Services.

Katanya, tempahan boleh dibuat menerusi Facebook, atau menelefon ke talian 017-6234766 (Firdaus) atau e-mel ke alamat mykhairulfirdaus@yahoo.com

"Keutamaan diberikan kepada pelajar dan mereka yang berada di sekitar Serdang, Kajang, Bangi dan Putrajaya.

"Pelanggan perlu menyediakan salinan lesen memandu dan kad pelajar atau salinan lesen memandu dan MyKad bagi bukan pelajar.

"Pelanggan dikenakan bayaran berdasarkan penggunaan kereta mengikut jam, hari, minggu dan bulan," katanya.